

# Keputusan Oracle cermin keyakinan firma dunia terhadap negara

**Kuala Lumpur:** Keputusan pelaburan oleh Oracle mencerminkan keyakinan dan komitmen syarikat dunia terhadap potensi Malaysia sebagai pintu masuk bagi infrastruktur awan dan menyokong pertumbuhan ekosistem kecerdasan buatan (AI) serantau, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan, menyambut baik pengumuman Oracle, ter-

kait pembukaan pusat awan awam pertama firma teknologi komputer itu di Malaysia dengan pelaburan hampir RM27 bilion.

“Kejelasan dasar dan pendekatan kerjasama strategik yang dilaksanakan Kerajaan MADANI berjaya menarik pelaburan daripada syarikat teknologi utama dunia seperti Amazon Web Services, Microsoft, Google dan terkini Oracle.

“Keseluruhan projek yang di-

umumkan syarikat ini sehingga kini membabitkan pelaburan keseluruhan dianggarkan bernilai AS\$16.9 bilion (RM70.3 bilion),” kata beliau menerusi hantaran di platform X semalam.

Anwar berkata, penting bagi tenaga kerja dan syarikat tempatan merebut peluang sebaiknya daripada pelaburan ini.

“Dalam siri perbincangan bersama pelabur termasuk penganalisis terunggai syarikat terba-

bit, saya tekankan kepentingan perluasan manfaat jangka panjang kepada Malaysia, termasuk pembangunan pusat kecemerlangan, fakulti AI dan pemerksaan kumpulan masyarakat.

“Saya yakin sokongan semua pihak, matlamat dan sasaran Ekonomi MADANI dapat dicapai, insya-Allah,” kata beliau.

Terdahulu, Oracle menjelaskan pusat awan yang akan diwujudkan itu membolehkan pe-

langgan dan rakan kongsinya di Malaysia memanfaatkan infrastruktur dan perkhidmatan AI dan memindahkan beban kerja yang penting kepada ‘Oracle Cloud Infrastructure’ (OCI).

Pusat dirancang itu membantu organisasi di Malaysia memodenkan penggunaan, memin-dahkan semua jenis beban kerja kepada awan dan berinovasi dengan data, analitik dan AI, tambah firma itu. BERNAMA